



**KERTAS 1**

Jawab **semua** soalan.  
Masa 1 jam 15 Minit

**BAHAGIAN A**

(20 MARKAH)

1. Taklif ialah tanggungjawab yang diberikan kepada
  - A seseorang yang berakal dan merdeka
  - B seseorang yang berakal dan muslim
  - C seseorang yang baligh dan merdeka
  - D seseorang yang baligh dan berakal
  
2. Umat Islam wajib beradab dengan para rasul seperti
  - A Sentiasa membaca lafaz istighfar
  - B Sentiasa beramal dengan sunnah
  - C Sentiasa beramal dengan bidaah dhalalah
  - D Sentiasa membaca kitab-kitab sejarah Islam
  
3. Antara berikut manakah kesan ketiadaan pengiktirafan hak milik.
  - A Harta dapat diwariskan
  - B Bermotivasi untuk bekerja
  - C Bebas menggunakan harta sendiri
  - D Bersyukur dengan harta yang ada
  
4. Muamalah merujuk kepada
  - A Pergaulan dan perhubungan sesama manusia dalam menjalani kehidupan masing-masing
  - B Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah s.w.t yang merangkumi semua aspek
  - C Tanggungjawab dan hak yang perlu dilaksanakan dalam sesebuah negara
  - D Tata cara perhubungan sesama manusia yang melibatkan harta
  
5. 

Zainuddin seorang usahawan yang berjaya namun sering mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang muslim. Beliau beranggapan urusan dunia tidak boleh dicampuradukkan dengan agama.
---

Individu di atas memegang fahaman \_\_\_\_\_

  - A Atheisme
  - B Sosialisme
  - C Sekularisme
  - D Materialisme

- 6 Hukum makruh ialah
- A Perkara yang jika dilakukan mendapat dosa, jika ditinggalkan mendapat pahala
  - B Perkara yang jika dilakukan tidak berdosa, jika ditinggalkan mendapat pahala
  - C Perkara yang jika dilakukan tidak berdosa, jika dilakukan mendapat pahala
  - D Perkara yang jika ditinggalkan berdosa, jika dilakukan mendapat pahala
- 7 Antara tanggungjawab hakim adalah
- A Tidak menjatuhkan hukuman ketika marah.
  - B Beriman dan bertaqwa kepada Allah.
  - C Mencari saksi dan bukti yang sah.
  - D Menbicarakan pesalah.
- 8 Berikut ialah perkara-perkara yang merosakkan ibadat **kecuali**
- A Takbur
  - B Munafik
  - C Tawadhuk
  - D Hasad dengki
- 9 Apakah yang akan terjadi jika hakim tidak berlaku adil ?.
- A Jenayah akan berleluasa.
  - B Adat dan budaya akan tergugat.
  - C Perkembangan keilmuan akan terjejas.
  - D Masyarakat bebas mengamalkan kepercayaannya.
10. Kesaksamaan sosial tidak boleh dicapai melalui
- A Kewajipan menunaikan zakat
  - B Persamaan hak semua ahli masyarakat
  - C Prihatin terhadap penderitaan orang lain
  - D Larangan bermegah-megah dengan kedudukan
- 11 Berikut merupakan prinsip-prinsip Waqi`yyah **kecuali**
- A Menekankan kesederhanaan
  - B Menyelesaikan masalah kehidupan
  - C Praktikal dan mampu dilaksanakan
  - D Menggalakkan kebebasan mutlak dalam pemikiran

12. Berikut ialah adab ketika berdoa

- I Khusyuk dan tenang
- II Melagukan doa sambil menangis
- III Dalam keadaan suci daripada hadas
- IV Memulakan dengan memuji Allah dan selawat

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

13. Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah s.w.t ialah Islam.

(maksud surah Ali-Imran : ayat 9)

Islam bermaksud

- A Keabdian dan ketaatan
- B Kekuasaan dan kebesaran
- C Kepatuhan dan kesejahteraan
- D Kebebasan dan kesempurnaan

14. Manakah antara berikut yang **bukan** keburukan pencerobohan harta terhadap individu

- A Harta tidak diberkati Allah
- B Tersisih daripada masyarakat
- C Masyarakat hidup dalam ketakutan
- D Menyuburkan sikap pentingkan diri sendiri

15. Manusia memerlukan tiga sumber ilmu untuk memahami hakikat kehidupan iaitu

- A Wahyu, hadis, dan qias
- B Ilham, ijtihad, dan iltizam
- C Akal, pengalaman, dan wahyu
- D Pengalaman, pemerhatian, dan kajian

16. Bukti perundangan Islam menyediakan hukuman yang adil ialah

- A Hukuman setimpal dengan kesalahan
- B Hukuman dijatuhkan ke atas tertuduh
- C Hukuman mengikut kesesuaian masa dan tempat
- D Hukuman dilaksanakan ke atas semua ahli masyarakat

- 17 Sebagai pelajar, tanggungjawab saya kepada keluarga adalah
- I Saling berkasih sayang dan prihatin
  - II Mencari nafkah untuk kesejahteraan keluarga
  - III Memastikan pelaksanaan perintah Allah dan rasul
  - IV Menjaga hati dan bersopan santun dalam pergaulan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
18. Kekuatan ekonomi dapat dicapai melalui
- I Membeli belah keperluan diri dan keluarga
  - II Mencari nafkah untuk menyara kehidupan
  - III Sentiasa menjaga dan mengamalkan kualiti kerja
  - IV Mengelakkan inflasi sifar dalam pembangunan negara
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
- 19 Manakah antara berikut merupakan prinsip murunah ?.
- A Islam menjamin keadilan sejagat
  - B Islam adalah agama yang mudah
  - C Islam menjamin keharmonian hidup
  - D Islam menggalakkan hidup bekerjasama
- 20 Ijtihad diharuskan dalam Islam supaya
- I Memberi peluang kepada manusia untuk mengeluarkan hukum
  - II Memastikan umat Islam berpegang teguh kepada hukum baru
  - III Menyelesaikan isu semasa mengikut kaedah Islam
  - IV Memastikan perkembangan hukum Islam berterusan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

**Bahagian B**

[20 markah]

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut dalam ruang yang disediakan.

*Untuk  
Kegunaan  
Pemeriksa*

21 Manusia adalah sebaik-baik makhluk ciptaan Allah s.w.t.

1
---

22 Ajaran Islam meliputi ibadat khusus dan umum yang menjamin kebahagiaan hidup.

1
---

23 Hukuman hudud tidak boleh dipinda atau disesuaikan mengikut peredaran masa.

1
---

Lengkapkan pernyataan berikut.

*Untuk  
Kegunaan  
Pemeriksa*

24 \_\_\_\_\_ merupakan perlembagan negara Islam pertama.

1
---

25 Kitab \_\_\_\_\_ diturunkan kepada Nabi Isa a.s.

1
---

26 \_\_\_\_\_ ialah usaha menyeru manusia ke jalan kebenaran.

1
---

27 Seseorang hakim mesti \_\_\_\_\_ tertuduh jika ada keraguan dalam perbicaannya.

1
---

Untuk  
kegunaan  
Pemeriksa

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.  
Tandakan ( ✕ ) pada pernyataan yang SALAH.

1	28	Kemiskinan boleh diatasi dengan memberikan wang sara diri kepada penganggur.	
1	29	Perbezaan warna kulit dan taraf hidup tidak menghalang wujudnya kerjasama dan toleransi.	
1	30	Urusan muamalah yang dilakukan mestilah menepati syarat dan kehendak Islam.	
1	31	Hakikat alam ghaib mampu ditanggapi oleh akal yang sempurna.	


Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan ( X ) dan ( Y ) dalam ruangan yang disediakan.

X	Tanggungjawab rakyat	Y	Hak rakyat
---	----------------------	---	------------

Untuk  
kegunaan  
Pemeriksa

		Pernyataan	Jawapan
1	32	Memilih pemerintah yang berkeelayakan.	
1	33	Menumpukan usaha untuk memaju dan membangunkan negara.	
1	34	Menghormati kebebasan beragama dalam sesebuah negara.	
1	35	Berusaha memaju dan memperbaiki taraf hidup masing-masing.	
1	36	Mendapat peluang pendidikan yang sama tanpa mengira keturunan dan agama.	

Carta di bawah menunjukkan jenis hukum jenayah menurut Islam.



a. Nyatakan hukum jenayah pada

37 X : \_\_\_\_\_

38 Y : \_\_\_\_\_

b. Nyatakan dua contoh kesalahan hudud

39 i. \_\_\_\_\_

40 ii. \_\_\_\_\_

1
---

1
---

1
---

1
---

**KERTAS JAWAPAN**

**Bahagian A**

**1    A    B    C    D**

**2    A    B    C    D**

**3    A    B    C    D**

**4    A    B    C    D**

**5    A    B    C    D**

**6    A    B    C    D**

**7    A    B    C    D**

**8    A    B    C    D**

**9    A    B    C    D**

**10   A    B    C    D**

**11   A    B    C    D**

**12   A    B    C    D**

**13   A    B    C    D**

**14   A    B    C    D**

**15   A    B    C    D**

**16   A    B    C    D**

**17   A    B    C    D**

**18   A    B    C    D**

**19   A    B    C    D**

**20   A    B    C    D**

<b>BAHAGIAN A</b>

**KERTAS 2**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

[100 markah ]

Jawab **lima** soalan sahaja

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

- 1 (a) (i) Wahyu diperlukan walaupun manusia dikurniakan akal yang sempurna.  
Berikan **dua** sebab mengapa wahyu masih diperlukan oleh manusia. [ 4markah ]
- (ii) Nyatakan **dua** cara bersyukur dengan anugerah akal [4 markah ]
- (b) (i) Islam ialah agama yang diredai Allah.  
Berikan pengertian Islam ? [2 markah ]
- (ii) Agama terbahagi kepada agama samawi dan agama budaya.  
Terangkan **tiga** perbezaan di antara agama samawi dan agama budaya. [6 markah]
- (c) Islam menyuruh umatnya berhati-hati terhadap pengaruh asing.  
Terangkan **dua** ciri pengaruh asing yang bertentangan dengan Islam. [4 markah ]
- 2 (a) (i) Salah satu daripada ciri pandangan hidup Islam ialah Alamiyyah.  
Nyatakan maksud Alamiyyah [2 markah ]
- (ii) Amar makruf dan nahi mungkar adalah salah satu prinsip Alamiyyah.  
Kemukakan **dua** kesan buruk jika amar makruf dan nahi mungkar tidak dilaksanakan dalam kehidupan manusia. [4 markah]
- (b) (i) Kesempurnaan Islam meliputi pelbagai bidang kehidupan .  
Huraikan kesempurnaan Islam dalam bidang ekonomi [4 markah]
- (ii) Ibadat boleh dibahagikan kepada ibadat umum dan ibadat khusus.  
Nyatakan maksud ibadat umum dan ibadat khusus berserta contoh. [4 markah ]
- (c) Ajaran Islam sesuai diamalkan sepanjang zaman.  
Jelaskan pernyataan di atas dari sudut kewajipan menutup aurat ? [6 markah]
- 3 (a) (i) Toleransi adalah amalan yang dituntut dalam Islam.  
Nyatakan maksud toleransi. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** bentuk toleransi yang menyalahi tuntutan syarak. [4 markah]

- (b) (i) Keadilan merupakan matlamat sistem kehakiman Islam .  
Bagaimanakah seseorang hakim boleh merealisasikan matlamat tersebut dalam tugasnya? [4markah]
- (ii) Terangkan **tiga** perbezaan antara sistem kehakiman Islam dengan sistem kehakiman konvensional [6 markah]
- (c) Negara yang maju mempunyai pemimpin yang cemerlang, gemilang dan terbilang.  
Jelaskan implikasi pemimpin negara yang tidak melaksanakan tanggungjawab [4 markah]
- 4 (a) (i) Pekerjaan dalam Islam merupakan satu ibadat.  
Terangkan **tiga** matlamat bekerja menurut Islam. [6 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kebaikan pekerjaan halal dan keburukan pekerjaan haram terhadap individu. [4 markah]
- (b) (i) Institusi kewangan di Malaysia menawarkan beberapa produk untuk kepentingan umat Islam.  
Nyatakan **empat** jenis muamalah yang ditawarkan. [4 markah]
- (ii) Pelaksanaan muamalah Islam dalam kehidupan seharian memberi kesan positif kepada manusia.  
Jelaskan **tiga** hikmah kepelbagaian jenis muamalah. [6 markah]
- 5 (a) (i) Perkahwinan dalam Islam merupakan sunnah Rasulullah s.a.w.  
Nyatakan maksud nikah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kepentingan perkahwinan terhadap masyarakat. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** bentuk pembubaran perkahwinan yang dibenarkan dalam Islam. [4 markah]
- (b) (i) Allah s.w.t telah menetapkan hukum haram untuk memelihara kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat.  
Nyatakan maksud hukum haram. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** implikasi pengabaian hukum haram. [4 markah]
- (c) Setiap orang Islam hendaklah menjauhkan dirinya daripada melakukan jenayah  
Jelaskan **dua** tujuan Islam menetapkan hukuman ke atas penjenayah [4 markah]

- 6 (a) (i) Perpaduan ummah merupakan salah satu matlamat Islam Hadhari.  
Nyatakan pengertian perpaduan ummah menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Apakah kesan perpaduan ummah kepada negara. [4 markah]
- (b) (i) Senaraikan perbezaan antara penyelesaian masalah secara Islam dengan konvensional. [4 markah]
- (ii) Jelaskan akibat mengabaikan penyelesaian masalah menurut Islam terhadap individu. [6 markah]
- (c) Terangkan **dua** cara Islam menjamin keselamatan hidup manusia. [4 markah]
- 7 (a) (i) Terdapat beberapa perlakuan yang mesti dilakukan sebelum menyelesaikan sesuatu masalah dengan sempurna.  
Senaraikan **dua** daripada perlakuan tersebut. [2 markah]
- (ii) Nyatakan ciri-ciri tawakal yang selaras dengan kehendak Islam. [4 markah]
- (b) (i) Rakyat perlu mendapat hak masing-masing supaya mereka boleh berbakti kepada negara.  
Senaraikan **empat** hak rakyat. [4 markah]
- (ii) Bagaimanakah syariat Islam dapat menjamin keselamatan ummah?. [4 markah]
- (c) Terangkan cara menyelesaikan masalah penagihan dadah di kalangan umat Islam. [6 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT

**SKEMA KERTAS 1****BAHAGIAN A**

1.	D	2.	B	3.	A	4.	D	5.	C
6.	B	7.	A	8.	C	9.	A	10.	B
11.	D	12.	B	13.	D	14.	C	15.	C
16.	A	17.	C	18.	A	19.	B	20.	D

**BAHAGIAN B**

21 ALAMIYYAH  
 22 SYUMULIYYAH  
 23 THABAT

24 PIAGAM MADINAH  
 25 INJIL  
 26 DAKWAH  
 27 MEMBEBASKAN

28 X  
 29 ✓  
 30 ✓  
 31 X

32 Y  
 33 X  
 34 X  
 35 X  
 36 Y

37 QISAS / DIAT  
 38 DIAT / QISAS  
 39 ZINA / MINUM ARAK / MURTAD  
 40 QAZAF / MENCURI / MEROMPAK

MANA-MANA SATU

**SKEMA KERTAS 2**

- 1 (a) (i) Dua sebab wahyu diperlukan
1. Kebenaran akal bersifat relatif.
  2. Akal terdedah kepada kesilapan.
  3. Kemampuan akal terbatas.
  4. Akal mudah dipengaruhi oleh nafsu.
- [4 markah]

- (ii) Dua cara bersyukur dengan anugerah akal
- i-menggunakan akal dalam menyelesaikan masalah
  - ii-sentiasa menjaga kewarasan akal
- [4 markah]

- (b) i Pengertian Islam
- Islam ialah taat , patuh dan menyerah diri kepada Allah dengan melaksanakan perintah dan menjauhi segala larangannya .
- [2 markah]

- ii Perbezaan antara agama samawi dan agama budaya

Agama Samawi	Agama Budaya
1. Diturunkan daripada Allah s.w.t	1. Hasil pemikiran manusia
2. Mempunyai rasul sebagai pembimbing	2. Tiada rasul yang diutuskan Allah s.w.t
3. Lengkap dan sempurna merangkumi semua aspek kehidupan	3. Hanya sesuai untuk keperluan semasa dan sesuatu bangsa

[6 markah]

- c Dua ciri pengaruh asing yang bertentangan dengan Islam.
1. Menafikan kekuasaan Tuhan dan peranan wahyu dalam hidup manusia
  2. Memberikan kebebasan kepada manusia bertindak tanpa batas , mencari kepuasan yang relatif dan tidak terkawal
  3. Menolak ayat al-Quran dan Hadis dengan mengikut akal dan logik semata-mata.
  4. Menggalakkan manusia mencari harta kekayaan tanpa batasan dan melakukan kezaliman

[4 markah]

- 2 (a) Maksud Alamiyyah ialah
- (i) Islam agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat, dan zaman.
- [2 markah]

Dua kesan buruk amar makruf dan nahi mungkar

- (ii)
1. masyarakat hidup dalam ketakutan
  2. perbuatan maksiat / jenayah makin tersebar
  3. keadilan tidak dapat dilaksanakan

[4 markah]

- (b) Kesempurnaan Islam meliputi pelbagai bidang kehidupan .
1. Menganjurkan yang halal, melarang yang haram contoh mengharamkan riba serta menghalalkan jual beli dll.
  2. Menyediakan pelbagai muamalah untuk kemajuan ekonomi
  3. Menganjurkan umatnya bekerja sendiri atau makan gaji serta tidak berdiam diri tanpa usaha.
- [4 markah]

- ii) Ibadat boleh dibahagikan kepada ibadat umum dan ibadat khusus.  
Maksud ibadat umum dan ibadat khusus berserta contoh

Makna ibadat umum ialah amalan harian yang dilakukan bertepatan dengan ajaran Islam dan diniatkan kerana Allah.

Contohnya : bekerja

makna ibadat khusus ialah segala perbuatan yang dilakukan oleh setiap umat Islam secara khusus berhubung dengan Allah.

Contohnya :solat

[4 markah]

2 c

Pernyataan bahawa Islam diamalkan sepanjang zaman dari sudut kewajipan menutup aurat.

1. Sesuai dipraktikkan oleh semua lapisan / golongan masyarakat dan manusia .
2. Kewajipan menutup aurat tidak menghalang perkembangan fesyen semasa selagi tidak bertentangan dengan syarak
3. Kewajipan menutup aurat tidak menghalang individu untuk bergerak aktif dalam pergerakan harian

[6 markah]

- 3 (a) (i) Maksud toleransi :  
Toleransi adalah bertolak ansur dan saling memahami serta menghormati pendapat orang lain.

[2 markah]

- (ii) Dua bentuk toleransi yang menyalahi tuntutan syarak

1. Toleransi yang menjejaskan akidah.
2. Toleransi yang menjatuhkan maruah diri dan masyarakat.
3. Toleransi yang menjejaskan ibadat khusus.
4. Toleransi yang melanggar etika muslim.
5. Toleransi yang menjatuhkan syariat Islam.

[4 markah]

- (b) (i) Seseorang hakim boleh merealisasikan keadilan dalam tugasnya
1. Tidak menyebelahi mana-mana pihak sama ada pendakwa atau tertuduh.
  2. Jujur dan amanah dalam tugasnya
  3. Tidak menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya
  4. Tidak mensabitkan kesalahan jika ada keraguan / bukti tidak cukup
  5. Menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan

[4 markah]

- (b) (ii) Tiga perbezaan antara sistem kehakiman Islam dengan sistem kehakiman konvensional.

Sistem Kehakiman Islam	Sistem Kehakiman Konvensional
• Ciptaan Allah	• Ciptaan manusia
• Bersumberkan wahyu Allah	• Bersumberkan akal fikiran manusia
• tetap dan tidak berubah	• Sentiasa berubah mengikut peredaran masa
• Etika kehakiman Islam berasaskan akhlak Islamiah	• Etika kehakiman berasaskan prosedur

[6 markah]

- (c) Implikasi pemimpin negara yang tidak melaksanakan tanggungjawab.

1. Negara menjadi mundur / kemusnahan tamadun.
2. Tidak mendapat sokongan rakyat.
3. Negara huru hara.
4. Dipandang hina oleh negara luar.
5. Kezaliman bermaharajalela.
6. Membawa kepada pemberontakan dan rusuhan.

[4 markah]

- 4 (a) (i) Tiga matlamat bekerja menurut Islam ialah ;
1. Mencari rezeki yang halal
  2. Membangun dan memajukan ekonomi diri dan negara
  3. Mengelak diri bergantung kepada orang lain
  4. Mendapat keredhaan Allah s.w.t melalui pekerjaan yang halal.

[6 markah]

- (a) (ii) Dua kebaikan pekerjaan halal dan keburukan pekerjaan haram terhadap individu.

Pekerjaan halal;

1. Mendapat keredhaan Allah
2. Menjadi teladan kepada masyarakat
3. Kehidupan menjadi tenang dan bahagia

Pekerjaan haram:

1. Hidup tidak diberkati
2. Dibelenggu rasa bersalah
3. Sentiasa hidup di dalam ketakutan dan kebimbangan

[4 markah]

- (b) (i) Empat jenis muamalah.

Jenis-jenis muamalah.

1. al-Wadiah.
2. al-Mudharabah.
3. al-Murabahah.
4. al-Musyarakah.
5. Ar-Rahn.

6. al-Ijarah.
7. al-Bai' Bithaman Ajil.
8. al-Takaful.

[4 markah]

(b) (ii) Hikmah kepelbagaian jenis muamalah

1. Individu mempunyai pelbagai pilihan dalam muamalah
2. Individu boleh menceburi pelbagai bidang ekonomi
3. Membuktikan Islam tidak mengabaikan keperluan manusia mengikut situasi dalam kegiatan ekonomi

[6 markah]

5 a i Maksud nikah

Ikatan yang teguh antara lelaki dengan perempuan melalui akad nikah yang sah untuk hidup sebagai suami isteri yang halal.

[2 markah]

ii Kepentingan perkahwinan terhadap masyarakat.

1. Melahirkan sebuah masyarakat yang bertanggungjawab.
2. Menjadikan masyarakat maju, aman dan sejahtera.
3. Melahirkan ikatan persaudaraan yang kukuh.
4. Mengelakkan kekacauan dan huru hara dalam masyarakat.

[4 markah]

a iii Bentuk pembubaran perkahwinan yang dibenarkan dalam Islam.

- Talak : pembubaran ikatan perkahwinan antara suami dan istrei yang sah dengan lafaz talak
- Fasakh: Pembatalan ikatan perkahwinan menurut keputusan kadi disebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi pada masa akad nikah
- Khuluk: Perceraian yang berlaku atas kemahuan isteri dengan membayar ganti rugi kepada suami

[4markah]

(b) (i) Maksud hukum haram.

Larangan Allah yang mesti ditinggalkan, jika ditinggalkan akan diberi ganjaran pahala manakala jika dilakukan akan dikenakan azab oleh Allah .

[2 markah]

b ii Implikasi pengabaian hukum haram.

1. Hilang rahmat dan petunjuk daripada Allah.
2. Manusia terdorong melakukan perkara yang dimurkai Allah.
3. Menghadapi kesusahan dan masalah dalam kehidupan.
4. Sering melakukan maksiat dan dosa.

[4 markah]

- c Dua tujuan Islam menetapkan hukuman ke atas penjenayah ;
1. Untuk memberi keinsafan dan segera bertaubat kepada Allah.
  2. Membentuk keperibadian muslim yang sejati
  3. Mewujudkan masyarakat yang aman dan harmoni
  4. Menjadi negara contoh kepada negara lain
  5. Untuk melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab
  6. Untuk memelihara nyawa dan keselamatan harta daripada dicerobohi
- [4markah]

- 6 a i Perpaduan ummah bermaksud:  
Sebuah masyarakat yang hidup saling sayang menyayangi dan hormat menghormati di antara satu sama lain
- [2markah]

- ii Kesannya :
1. dapat menjana kekuatan ummah yang sejati
  2. Negara akan menjadi contoh di mata dunia
  3. Rakyat hidup bersatu padu
  4. Rakyat bekerjasama membangunkan negara
- [4markah]

- b i Dua perbezaan antara penyelesaian masalah secara Islam dengan konvensional

Secara Islam	Secara Konvensional
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber utama ialah al-Quran dan al-Hadis.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersumberkan kefahaman rasional manusia yang terbatas.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bermatlamatkan dunia dan akhirat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersifat keduniaan semata-mata.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelesaian berteraskan nilai-nilai akhlak yang murni.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lebih bersifat sentimen dan emosi.</li> </ul>

[4markah]

- (ii) Akibat mengabaikan penyelesaian masalah menurut Islam terhadap individu.
1. Menjauhkan diri dari petunjuk yang sebenar.
  2. Membawa kepada kelemahan dan kerosakan iman.
  3. Akan mencari masalah yang baru.
  4. Kehidupan tidak mendapat keberkatan dan rahmat Allah.
- [6markah]

- c Cara mewujudkan jaminan keselamatan dalam Islam.
1. Melaksanakan perundangan Islam dalam kehidupan.
  2. Mengamalkan sikap toleransi dan saling bekerjasama.
  3. Mengamalkan akhlak mulia dan nilai-nilai murni
  4. Menunaikan hak dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya
- [4markah]

- 7 a i Dua daripada perlakuan sebelum menyelesaikan masalah
1. Niat
  2. Keazaman
  3. Tindakan
  4. Tawakal
  5. Muhasabah
- [4markah]
- ii Ciri-ciri tawakal yang selaras dengan kehendak Islam.
1. Berusaha dengan bersungguh-sungguh.
  2. Sentiasa berdoa kepada Allah.
  3. Berserah keputusan dan hasil kepada Allah.
  4. Bersyukur dengan ketentuan Allah s.w.t
- [4markah]
- b i Hak-hak rakyat ialah
1. Hak memilih pemerintah
  2. Hak mendapat pendidikan
  3. Hak mendapat perlindungan dan keselamatan
  4. Hak mencari harta dan membelanjakannya
  5. Hak kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat
- [4markah]
- b ii Syariat Islam dapat menjamin keselamatan ummah:
- Islam mensyariatkan hukum jihad bagi mempertahankan negara daripada pencerobohan musuh.
  - Islam telah mensyariatkan hukuman yang berat kepada orang yang melakukan pemberontakan.
  - Islam melarang umatnya daripada melakukan pengkhianatan terhadap negara.
- [4markah]
- c Caranya adalah :
1. Memberi didikan agama yang sempurna
  2. Mengadakan kempen kesedaran bahaya penggunaan dadah
  3. Menkuatkuasakan undang-undang
  4. Mengamalkan cara hidup yang sihat
- [4markah]

## CATATAN